

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian menjaga kebajikan para doktor di Malaysia setelah wabak COVID-19 berjaya dibendung, memandangkan setakat ini lebih 3,000 doktor bakal dikecualikan daripada kontrak tetap bersama Kementerian, dan doktor yang diserap masuk pula bakal mendapat gaji yang lebih rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelantikan tetap adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan tetap. Mulai tahun 2015, Kerajaan telah menguatkuasakan Dasar Penggunaan Sumber Manusia secara optimum dan Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam yang **tidak lagi membenarkan semua Kementerian mewujudkan jawatan baharu melainkan hanya boleh dibuat secara tukar ganti (trade-off)** dengan jawatan kosong lain sedia ada.

2. Oleh itu, Kerajaan pada tahun 2016 telah memutuskan supaya kaedah pelantikan graduan perubatan diubah daripada pelantikan secara tetap kepada pelantikan secara kontrak bagi membolehkan graduan perubatan **menjalani latihan siswazah dan khidmat wajib seperti mana ditetapkan Akta Perubatan 1971, tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan tetap.**

3. Pada masa ini, tempoh lantikan secara kontrak yang dipersetujui Kerajaan maksimumnya adalah selama lima (5) tahun, iaitu tiga (3) tahun bagi menjalani latihan siswazah dan dua (2) tahun bagi khidmat wajib. Dalam tempoh dari Disember 2016 sehingga Mac 2020, **seramai 18,838 Pegawai Perubatan Gred UD41 telah dilantik secara kontrak.**

4. **Pertimbangan pelantikan tetap** dibuat secara berasingan selepas pegawai melengkapkan latihan siswazah dengan **mengambil kira faktor kekosongan jawatan tetap sedia ada** serta **pegawai memenuhi syarat pelantikan dan merit yang ditetapkan.**

5. **Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meluluskan perjawatan tetap baharu secara tukar ganti sebanyak 10,675 secara berfasa** bagi tujuan menangani keperluan perkhidmatan di fasiliti baharu dan yang dinaik taraf. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 997 adalah jawatan Pegawai Perubatan. Dengan kelulusan perjawatan tersebut, **sebahagian daripada pegawai lantikan kontrak boleh dipertimbangkan pelantikan tetap.** Selain daripada melalui pengisian

jawatan baharu yang diwujudkan, pegawai juga boleh dipertimbangkan pelantikan tetap apabila jawatan sedia ada dikosongkan berikutan faktor atrisi seperti persaraan dan peletakan jawatan.

6. Bagi isu gaji yang lebih rendah pula, seperti mana dasar yang diputuskan oleh Kerajaan pada tahun 2016, **pegawai yang telah tamat latihan siswazah tetapi tidak dilantik tetap, akan ditawarkan kontrak atas Gred UD41 bagi menjalani khidmat wajib.** Kementerian Kesihatan mengambil perhatian akan kedudukan gaji pegawai yang sedikit rendah berbanding dengan pegawai lantikan tetap. Penambahbaikan bagi perkara ini sedang diselaraskan dengan Agensi Pusat sebelum diperakukan semula untuk pertimbangan dan kelulusan Kerajaan.

7. Ingin saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan prihatin terhadap isu pelantikan kontrak untuk pengajian kepakaran ini dan kini sedang meneliti kebolehlaksanaan beberapa opsyen penambahbaikan. Namun, perkara ini masih dalam penelitian dan perlu diangkat untuk kelulusan Kerajaan terlebih dahulu. Kementerian Kesihatan akan sentiasa berusaha untuk menyelesaikan isu lantikan kontrak dan pengajian kepakaran ini agar pendekatan yang dilaksanakan lebih menyeluruh dan dapat menambahbaik kerjaya Pegawai Perubatan dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.